- (e) Maklumat yang diberikan oleh pihak Pelanggan kepada pihak Bank berkaitan dengan Perjanjian ini dan jumlah Kemudahan adalah tepat, benar, betul dan lengkap dan tiada yang tidak disertakan dan yang boleh mengakibatkan maklumat yang diberikan tidak tepat, salah isi, tidak benar, tidak lengkap atau tersilap dalam apa jua. Pihak Pelanggan harus memaklumkan kepada pihak Bank dengan segera secara bertulis sekiranya maklumat yang diberikan telah bercanggah dan/atau terdapat sebarang pertukaran. Pihak Pelanggan akan memastikan sebarang pertukaran terhadap maklumat peribadi termasuk tetapi tidak terhad kepada maklumat untuk menghubungi dalam sebarang bentuk diberitahu secara bertulis kepada pihak Bank di jabatan yang berkaitan untuk tujuan kemas kini, kegagalan pihak Pelanggan untuk berbuat demikian boleh menyebabkan pihak Bank terkeluar daripada sebarang liabiliti.
- (f) Pihak Pelanggan tidak ada hutang tertunggak untuk mana-mana perjanjian yang mana pihak Pelanggan sebagai salah satu pihak atau pihak yang terikat.
- (g) Pihak Pelanggan tidak berada dalam keadaan berstatus muflis atau kes muflis atau tindakan undang-undang, litigasi, arbitrase, pengurusan, sivil, atau kes jenayah pada masa ini, masih belum dimulakan atau akan dikenakan ke atas pihak Pelanggan yang akan memberi kesan kepada pihak Pelanggan untuk memenuhi kewajiban pihak Pelanggan terhadap Perjanjian ini.

7. **Pembayaran.**

- (a) Pihak Pelanggan bersetuju dan beraku-janji untuk membayar Harga Jualan seperti yang dinyatakan di Seksyen 4 Jadual A disini yang mana jumlah dan segala wang lain yang terhutang dan perlu dibayar seperti yang dinyatakan di Seksyen 5 disini, dan untuk membuat pembayaran mengikut cara, jumlah dan bilangan ansuran bulanan ("Ansuran Bulanan") seperti yang dinyatakan didalam surat pemberitahuan yang akan dikeluarkan oleh pihak Bank selepas pengeluaran dana Kemudahan tersebut ("Surat Pemberitahuan") termasuk sebarang jumlah lain sebagaimana ditetapkan di dalam Perjanjian ini. Ansuran Bulanan akan dikira berdasarkan formula berikut:

- M** mewakili Ansuran Bulanan.
P mewakili Jumlah Kemudahan yang diluluskan.
Ty mewakili jangkamasa Kemudahan tersebut yang telah diluluskan dalam tahun.
R mewakili Kadar Keuntungan sebarang kadar lain yang ditetapkan oleh pihak Bank dari semasa ke semasa.
Tm mewakili jangkamasa Kemudahan tersebut yang diluluskan dalam bulan.

$$M = \frac{P + (P \times Ty \times R)}{Tm} \text{ dimana,}$$

(b) Ansuran Bulanan pertama akan bermula pada tarikh seperti yang dinyatakan di dalam Surat Pemberitahuan di mana ia akan jatuh pada hari yang berikut selepas tamat tempoh satu (1) bulan dari tarikh pengeluaran dana Kemudahan, dan sebarang Ansuran Bulanan yang lain hendaklah dibayar secara berturut-turut mengikut jarak masa tetap pada setiap satu (1) bulan sehingga jumlah penuh Harga Jualan dan segala hutang yang lain dibayar sepenuhnya.

(c) Pihak Bank berhak membatalkan Kemudahan tersebut dan menuntun bayaran penuh baki Harga Jualan dan segala jumlah lain yang belum dibayar dan perlu dibayar di bawah Kemudahan tersebut berdasarkan budi bicara mutlak pihak Bank, apabila berlakunya sebarang keingkaran seperti yang dinyatakan dalam Klausula 13 Perjanjian ini ("Keingkaran").

8. **Caj-caj Pampasan.** Adalah dipersetujui oleh kedua-dua pihak bahawa Bank berhak untuk mengenakan Pelanggan caj pampasan (ta'widh) pada jumlah kerugian sebenar yang ditanggung oleh Bank akibat langsung kelewatan dalam pembayaran atau keingkaran oleh Pelanggan berdasarkan mekanisme berikut:

(i) Semasa Tempoh Pembiayaan

(a) bagi keingkaran mana-mana pembayaran semasa tempoh Kemudahan, pada kadar pampasan sebanyak satu peratus (1%) setahun atau apa-apa kadar lain yang diluluskan oleh Bank Negara Malaysia ke atas pembayaran tertunggak yang dijadualkan, dikira dari tarikh sejurus selepas tarikh keingkaran itu sehingga tarikh penerimaan pembayaran penuh;

(b) bagi keingkaran menyebabkan Kemudahan untuk ditamatkan atau dibawa ke mahkamah untuk penghakiman sebelum tarikh luputtempoh Kemudahan, pada kadar pampasan sebanyak satu peratus (1%) setahun atau apa-apa kadar lain yang diluluskan oleh Bank Negara Malaysia atas baki tertunggak (baki tertunggak dan keuntungan terakru);

(ii) Selepas tamat atau Tempoh Matang Pembiayaan bagi keingkaran mana-mana pembayaran melebihi tempoh Kemudahan, pada kadar yang tidak melebihi kadar semalaman harian Pasaran Wang antara Bank-Bank perbankan Islam ("IIMM") di Bank Negara Malaysia atau apa-apa kadar lain yang diluluskan oleh Bank Negara Malaysia ke atas baki tertunggak (baki tertunggak dan keuntungan terakru) Kemudahan tertakluk kepada mana-mana rebat (Ibra') yang boleh diterima pakai, dikira dari tarikh sejurus selepas tamat tempoh Kemudahan sehingga tarikh penerimaan pembayaran penuh.

(iii) Penghakiman Pasca bagi keingkaran pembayaran Kemudahan jika jumlah penghakiman telah diputuskan oleh mahkamah, pada kadar yang tidak melebihi kadar semalaman harian Pasaran Wang antara Bank-Bank perbankan Islam ("IIMM") di Bank Negara Malaysia atau apa-apa kadar lain yang diluluskan oleh Bank Negara Malaysia atas jumlah penghakiman asas Kemudahan tertakluk kepada mana-mana rebat (Ibra') yang boleh diterima pakai, dikira dari tarikh penghakiman dibuat sehingga jumlah penghakiman dijelaskan sepenuhnya. Jumlah pampasan tidak boleh dikompaun dan kadar rujukan bagi kerugian sebenar hendaklah ditentukan pada titik keingkaran, dikiraatas dasar harian dari tarikh perlu bayar.

Jumlah pampasan tidak boleh dikompaun dan kadar rujukan bagi kerugian sebenar hendaklah ditentukan pada titik keingkaran, dikira atas dasar harian dari tarikh perlu bayar.

9. **Cukai-cukai kerajaan dan/atau berkanun/dibawah kawalan untuk mengenakan caj, yuran dan lain-lain**

(a) Untuk tujuan Klausula ini:

"Cukai" membawa maksud cukai yang dikenakan pada masa terkini atau masa yang akan datang, secara langsung atau tidak, di Malaysia atau di luar negara termasuk levi, impos, duti, upah, bayaran, potongan harga atau sebarang sekatan yang dikenakan oleh mana-mana Pihak Berkuasa Yang Berkenaan, termasuk, tanpa had, mana-mana cukai penggunaan seperti cukai barangan dan perkhidmatan ("GST") dan cukai-cukai yang lain dan apa-apa faedah, denda atau penalti yang berkenaan.

"Pihak Berkuasa Yang Berkenaan" bererti mana-mana kerajaan atau badan yang menguruskan hal-hal percukaian.

(b) Sebarang yuran perkhidmatan dan sebarang pembayaran yang kena dibuat oleh Pelanggan kepada Bank dibawah Kemudahan, Perjanjian Kemudahan atau dokumen-dokumen sekuriti termasuk sebarang jumlah yang mewakili pembayaran ganti untuk dibayar oleh Pelanggan kepada Bank, adalah tidak termasuk Cukai dan perlu dijelaskan tanpa sebarang pengecualian, syarat dan tanpa sebarang potongan bagi sebarang jumlah tuntutan balas atau sebarang potongan atau sekatan.

(c) Pada sebarang masa atau keadaan dimana Pelanggan dituntut oleh

undang-undang untuk membuat sebarang potongan atau menahan dari yuran perkhidmatan dan/atau semua wang lain yang kena dibayar kepada Bank untuk Kemudahan, Perjanjian Kemudahan atau dokumen-dokumen sekuriti berkaitan dengan Cukai atau sebaliknya, jumlah yang kena dibayar oleh Pelanggan dalam hal di mana potongan atau penahanan cukai diperlukan akan ditambah supaya yuran perkhidmatan dan/atau jumlah bersih wang yang diterima oleh Bank kekal dengan apa yang Bank sepatutnya menerima jika sebarang potongan atau pengecualian tidak dikenakan.

- (d) Sebagai penambahan atas yuran perkhidmatan dan sebarang bayaran yang perlu dibayar, Pelanggan kena bayar kepada pihak Bank semua bayaran Cukai pada kadar terkini dan/atau jumlah yang ditentukan oleh Pihak Bank untuk merangkumi sebarang pembayaran Cukai / liabiliti-liabiliti Cukai / kewajipan-kewajipan Cukai yang berhubung kait, tanpa sebarang penolakan, sekatan atau syarat-syarat dan tanpa apa-apa potongan untuk atau sebarang jumlah tuntutan balas atau apa-apa potongan atau pengecualian, selain sebarang Cukai-Cukai yang mana mungkin diperlukan di bawah sebarang undang-undang kena dibayar oleh anda secara terus kepada Pihak Berkuasa Yang Berkenaan, dimana anda akan membayar secara terus kepada Pihak Berkuasa Yang Berkenaan.
- (e) Jika pada bila-bila masa satu pelarasan dibuat atau dikehendaki untuk dibuat antara Bank dan pihak berkuasa pencukaian yang berkenaan bagi sebarang jumlah Cukai berkaitan sebarang bekalan yang dilakukan atau dinilai sebagai telah berlaku, yang berkaitan dengan Kemudahan, Perjanjian Kemudahan dan dokumen-dokumen sekuriti daripada Bank atau segala yang berkaitan dengannya, satu pelarasan, tertakluk pada budi bicara, boleh dibuat diantara Bank and Pelanggan dan pada keadaan sedemikian, sebarang pembayaran berkaitan pelarasan tersebut, haruslah dijelaskan sepenuhnya.
- (f) Semua Cukai yang mesti dibayar oleh Pelanggan kepada Bank seperti yang diperuntukkan disini adalah perlu dibayar di masa-masa sedemikian dan di sedemikian cara seperti yang akan diminta oleh Bank.
- (g) Pelanggan dengan ini bersetuju untuk memenuhi segala permintaan oleh pihak Bank bagi membantu pihak Bank dalam mematuhi dengan kewajipan-kewajipannya di bawah undang-undang percukaian yang berkaitan. Jika terdapat, Cukai baru yang telah berkuatkuasa dan Cukai tersebut adalah diwajibkan untuk dikenakan terhadap sebarang urusan niaga yang termaktub di dalam Perjanjian Kemudahan ini atau dokumen sekuriti, Pelanggan bersetuju untuk memberi kerjasama dengan sepenuhnya kepada Bank untuk memudahkan pihak Bank untuk mematuhi tanggungjawab Pihak Bank dibawah undang-undang tersebut.
- (h) Bagi mengelakkan sebarang keraguan, kesemua pihak terbabit dengan ini bersetuju bahawa mana-mana jumlah yang perlu dibayar atau jumlah yang digunakan untuk menentukan jumlah yang perlu dibayar berdasarkan Perjanjian Kemudahan atau dokumen-dokumen sekuriti adalah muktamad tanpa mengambil kira untuk Cukai dan tidak termasuk jumlah-jumlah yang perlu ditambah di bawah fasal ini berkenaan dengan Cukai.

10. **Prapembayaran.** Bagi mengelakkan sebarang keraguan, pihak Pelanggan tidak dibenarkan membuat sebarang prapembayaran bagi Harga Jualan atau mana-mana bahagian berkaitan di sini, dan semua bayaran berlebihan yang melebihi Ansuran Bulanan akan dikira sebagai bayaran pendahuluan yang hanya akan digunakan untuk mengurangkan Harga Jualan pada tarikh-tarikh yang genap masanya untuk pembayaran Ansuran Bulanan yang berkenaan dan tidak akan sama sekali membolehkan pihak Pelanggan untuk mendapat sebarang pengurangan dari segi jumlah Ansuran Bulanan atau bilangan Ansuran Bulanan yang perlu dibayar di sini.

11. **Penyelesaian Awal.** Pihak Pelanggan pada bila-bila masa boleh membuat penyelesaian awal kemudahan sepenuhnya dengan memberikan terlebih dahulu tiga (3) bulan notis bertulis kepada pihak Bank. Rebat untuk penyelesaian awal keatas baki keuntungan yang akan dicaj akan diberikan kepada Pelanggan untuk tempoh belum tamat bermula selepas tempoh notis tiga (3) bulan.

12. **Rebat.**

- (a) Bank akan memberikan rebat kepada Pelanggan pada Harga Jualan Bank di bawah prinsip ibra 'sebagaimana yang ditetapkan oleh Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia (BNM).
- (b) Ibra '(Rebat) hendaklah dikira seperti berikut:

$$R = \frac{(n-3)(n-2)}{N(N+1)} \times P$$

di mana,

R Rebat (RM)
n Bilangan Ansuran untuk jangka masa yang belum tamat
N Tempoh Pembiayaan
P Kadar Keuntungan yang perlu dibayar untuk keseluruhan Jangka Masa pinjaman (RM)

Ilustrasi menunjukkan bagaimana Rebat dikira untuk Pembiayaan

60 bulan (5 tahun) dengan amaun principal RM50,000 dan kadar keuntungan sebanyak 12% setahun, tetapi dengan penyelesaian awal selepas 20 bulan (di mana notis penyelesaian awal diberikan kepada Bank sebelum tarikh perlu bayar Ansuran bulanan seterusnya), disediakan seperti di bawah:

$$\begin{aligned} N &= 60 \\ n &= 60 - 20 \\ I &= 50,000 \times 12/100 \times 5 = 30,000 \\ R &= \frac{(40-3)(40-2)}{60(60+1)} \times 30,000 = \text{RM}11,524.59 \end{aligned}$$

(c) Ibra akan diberikan kepada semua Pelanggan yang menyelesaikan baki pembiayaan mereka sebelum akhir tempoh pembiayaan. Penyelesaian sebelum akhir tempoh pembiayaan oleh Pelanggan hendaklah termasuk, tetapi tidak terhad kepada situasi berikut:

- Pelanggan yang membuat penyelesaian awal atau penebusan awal, termasuk yang timbul daripada pra-pembayaran;
- Penyelesaian kemudahan pembiayaan ini disebabkan penyusunan semula pembiayaan;
- Penyelesaian oleh Pelanggan dalam kes keingkaran;
- Penyelesaian oleh Pelanggan dimana berlakunya penamatan atau pembatalan kemudahan pembiayaan ini sebelum tarikh matang
- Rebat hanya hendaklah diberikan setelah menerima jumlah penyelesaian / penebusan sebagaimana yang ditentukan oleh pihak Bank.

13. **Keingkaran.** Pihak Bank mempunyai hak untuk menarik balik dan menamatkan Kemudahan ini dan menuntut pembayaran segera atas Harga Jualan dan segala wang lain yang pada masa tersebut masih terhutang atau masih belum dijelaskan oleh pihak Pelanggan di sini yang mana, akan menjadi hutang tertunggak yang serta-merta perlu dibayar oleh pihak Pelanggan kepada pihak Bank dan pihak Bank mempunyai hak untuk mendapatkan kesemua jumlah yang tersebut di sini pada kadar pampasan sebagaimana yang telah dijelaskan di dalam Klausula 8 di sini berserta dengan sebarang kos dan bayaran yang tertunggak, tanpa perlu memberi sebarang notis terlebih dahulu atau mendapat persetujuan daripada pihak Pelanggan, apabila berlakunya sebarang Keingkaran seperti berikut:

- jika pihak Pelanggan gagal membuat bayaran bagi sebarang jumlah wang yang tertunggak dan perlu dibayar kepada pihak Bank atau mungkir atau gagal untuk melaksanakan atau melanggar mana-mana akujanji-akujanji, perjanjian-perjanjian atau Terma-terma dan Syarat-syarat yang tertakluk di sini;
- jika pihak Pelanggan melakukan suatu perbuatan yang menyebabkan kebangkrapan atau memasuki apa-apa komposisi atau pengaturan dengan atau untuk manfaat pemiutangnya;
- jika sebarang distres atau perlaksanaan dilevi atau dikuatkuasakan terhadap mana-mana harta benda pihak Pelanggan;
- jika pihak Pelanggan menjalani sebarang hukuman penjara, menjadi tidak siaman, menjadi tidak berupaya ataupun mati;
- jika terdapat sebarang perubahan material pada keadaan kewangan pihak Pelanggan yang pada pendapat munasabah pihak Bank berkemungkinan besar akan memudaratkan keupayaan pihak Pelanggan untuk memenuhi obligasinya di bawah Kemudahan ini ataupun memudaratkan kedudukan pihak Bank dari apa-apa segi;
- jika terdapat sebarang representasi atau kenyataan yang tidak betul atau secara material tidak betul atau tidak dipatuhi oleh pihak Pelanggan; atau
- jika terdapat sebarang perubahan undang-undang atau peraturan yang berkenaan yang menjadikannya mustahil atau menyalahi undang-undang bagi pihak Bank untuk meneruskan Kemudahan tersebut kepada pihak Pelanggan.
- Sekiranya pihak Bank dengan budi bicara bersetuju untuk menyambungkan kemudahan pembiayaan atau sebahagian darinya dan sekiranya mendatangkan masalah pada pihaknya atau sebaliknya dan sebarang kejadian yang telah berlaku atau kejadian yang akan berlaku yang mungkin menyebabkan pelanggan.

14. **Pelantikan Ejen.** Dalam penghuraian dan tidak dalam pengurangan hak dalam perjanjian ini, pihak Bank mempunyai hak, atas budi bicara, untuk melantik ejen terpilih untuk mengambil semula semua atau sebarang jumlah tertunggak kepada Bank daripada pihak Pelanggan di bawah Perjanjian ini.

15. **Peringatan.** Pihak Bank berhak, pada mana-mana masa, menghantar peringatan-peringatan atau notis-notis kepada pihak Pelanggan melalui apa jua cara komunikasi termasuk menggunakan cara Sistem Pesanan Ringkas ("SMS") atau menelefon (secara kolektif dirujuk sebagai "Peringatan"), tanpa mengambil kira sama ada pihak

Pelanggan ada memohon atau tidak memohon perkara yang sama. Pihak Pelanggan mungkin diberitahu untuk setiap Peringatan melalui telefon bimbit (jika disokong oleh pengendali telefon Pelanggan) bergantung kepada terma-terma yang relevan dan perubahan oleh pengendali telefon. Pihak Pelanggan memahami bahawa peringatan mungkin tertangguh atau terhalang oleh faktor-faktor yang memberi kesan kepada jabatan perkhidmatan yang berkenaan, operator telefon, dan mana-mana entiti yang berkaitan. Pihak Pelanggan bersetuju bahawa Bank tidak akan menjamin penyampaian atau ketepatan kandungan bagi setiap Peringatan. Pihak Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap pihak Pelanggan atas sebarang kehilangan dan kerugian yang berlaku daripada:

- (a) ketidaksampaian, penangguhan penyerahan atau kesilapan penyerahan untuk setiap Peringatan; atau
- (b) ketidaktepatan, ketidakbetulan, kesilapan dalam kesimpulan, kesilapan catatan atau ketidak lengkapan kandungan peringatan; atau
- (c) penggunaan atau bergantung pada pihak Pelanggan ke atas sebarang peringatan dalam apa jua tujuan.

Maklumat dalam setiap Peringatan mungkin hanya tertakluk kepada jangka waktu dan/atau penangguhan. Sebarang Peringatan oleh pihak Bank dalam mana-mana masa mungkin berbeza dan tidak bersambungan, ada atau tanpa notis, bergantung kepada budi bicara mutlak oleh pihak Bank.

16. **Semakan.** Pihak Bank mempunyai hak untuk menyemak semula Kemudahan ini pada bila-bila masa dan dari masa ke semasa tanpa mengira samada sebarang Keingkaran telah berlaku atau tidak, dan apabila berlakunya penyemakan semula tersebut, pihak Bank boleh mengenakan syarat-syarat lanjut yang difikirkan sesuai oleh pihak Bank menurut prinsip Syariah.

17. **Pembatalan.** Pihak Bank berhak untuk membatalkan dan menghentikan Kemudahan tersebut yang telah diluluskan untuk atau diberi kepada pihak Pelanggan apabila berlakunya sesuatu keadaan terhadap pihak Pelanggan di mana menurut pendapat mutlak pihak Bank, ianya mempunyai kesan yang memudaratkan kepada pihak Pelanggan ataupun pihak Bank dan di dalam keadaan berikut Harga Jual dan segala wang yang terhutang dan belum dibayar oleh pihak Pelanggan akan menjadi hutang tertunggak dan serta-merta perlu dibayar oleh pihak Pelanggan kepada pihak Bank dan pihak Bank akan berhak untuk mendapat balik jumlah yang tersebut di sini pada kadar pampasan berkenaan seperti yang dinyatakan dalam Klausula 8 bersama-sama dengan sebarang kos dan yuran yang perlu dibayar tanpa perlu memberi sebarang notis terdahulu ataupun mendapat persetujuan daripada pihak Pelanggan.

18. **Akta Perkhidmatan dan Kewangan Islam 2013 ("IFSA") dan Garispanduan BNM Transaksi Kredit & Pendedahan dengan Pihak-pihak Berkait untuk Bank-Bank Islam ("Garis Panduan").** Untuk membolehkan pihak Bank untuk mematuhi IFSA dan Garis Panduan tersebut, anda Pelanggan mesti mengaku kepada pihak Bank samaada Pelanggan adalah pihak yang berkaitan seperti yang dinyatakan di Garis Panduan, termasuk tetapi tidak terhad kepada, isteri, anak, ibubapa atau tanggungan kewangan oleh Pengarah, Pegawai Eksekutif pihak Bank atau pegawai kelulusan-credit/penilaian/tinjauan, atau dalam kes pelanggan korporat/perniagaan, termasuk entiti yang dikawal oleh seseorang yang berkaitan.

Jika pada bila-bila masa Pelanggan menjadi seseorang yang berkaitan, Pelanggan mesti memaklumkan kepada pihak Bank secara bertulis dengan kadar segera. Bank mempunyai hak untuk menamatkan Kemudahan tersebut jika Pelanggan gagal untuk membuat pengakuan yang sewajarnya atau benar, yang menyebabkan pihak Bank melanggar IFSA atau Garis Panduan tersebut.

19. **Untuk permohonan Personal Financing-i Consolidation ("PFIC"):-**

- (a) Bersetuju dan mengesahkan bahawa saya akan mematuhi syarat program PFIC yang telah ditawarkan kepada saya oleh kakitangan pihak Bank semasa memohon untuk Kemudahan;
- (b) Mengesahkan bahawa saya mempunyai baki kad kredit dan/atau kemudahan pinjaman/pembiayaan peribadi dengan pihak Bank/institusi kewangan lain dan saya menyedari bahawa di bawah program PFIC, saya tidak layak untuk sebarang kempen Pulangan Tunai;
- (c) Bersetuju untuk membuat penyelesaian penuh atas baki kad kredit dan/atau pinjaman/pembiayaan peribadi seperti dinyatakan dalam Butiran Akaun untuk penggabungan dalam permohonan ini;
- (d) Memahami dan bersetuju bahawa jumlah PFIC akan dihadkan kepada maksimum lima (5) akaun (kad kredit dan/atau pinjaman/pembiayaan peribadi) dan tempoh pembayaran diluluskan adalah di antara dua (2) hingga lima (5) tahun;

- (e) Memahami dan bersetuju bahawa kadar keuntungan efektif hendaklah maksimum 2% lebih rendah daripada kadar keuntungan efektif gabungan atas caj keuntungan gabungan kemudahan pinjaman/pembiayaan peribadi dan kad kredit sedia ada saya;
 - (f) Memahami dan bersetuju bahawa jumlah minimum Kemudahan PFIC yang diluluskan adalah RM3,000 setiap Pelanggan dan setiap penggabungan baki dibundarkan kepada RM100 terdekat. Kemudahan PFIC diluluskan akan dibundarkan ke atas kepada RM1,000 terdekat dan ansuran bulanan dibundarkan kepada RM5.00 terdekat;
 - (g) Bersetuju bahawa setiap bayaran kepada baki kad kredit dan/atau pinjaman/pembiayaan peribadi di bawah PFIC akan dikenakan yuran IBG RM2.00 setiap transaksi yang akan ditolak daripadanya;
 - (h) Bersetuju dan membenarkan pihak Bank untuk melakukan bayaran separa untuk baki kad kredit dan pinjaman/pembiayaan peribadi saya yang dinyatakan dalam permohonan ini jika:
 - i. Amaun PFIC yang diluluskan tidak mencukupi untuk memenuhi Jumlah Penggabungan Hutang Kasar yang dimohon akibat pemotongan untuk duti setem yang perlu dibayar atas Kemudahan dan/atau sebarang yuran dan caj lain yang perlu dibayar berkaitan dengan Kemudahan; atau
 - ii. Amaun PFIC yang diluluskan tidak mencukupi untuk memenuhi jumlah amaun baki prinsipal untuk akaun pinjaman/pembiayaan peribadi.
 - (i) Tanpa mengambilkira (h) di atas, saya dengan ini bersetuju bahawa pihak Bank hanya akan melakukan penyelesaian penuh sebarang baki pinjaman/pembiayaan peribadi. Jika amaun PFIC yang diluluskan tidak mencukupi kerana sebab yang dinyatakan dalam (i) di atas, pihak Bank tidak akan melakukan pembayaran kepada pinjaman/pembiayaan peribadi tetapi akan melaksanakan bayaran untuk baki kad kredit saya, sama ada sepenuhnya atau sebahagiannya bergantung kepada amaun PFIC yang diluluskan;
 - (j) Bersetuju dan membenarkan pihak Bank menyelesaikan tunggakan kad kredit dan pinjaman/pembiayaan peribadi dahulu sebelum melepaskan bayaran Extra Cash-Out (Pengeluaran Tunai Tambahan) ke akaun saya seperti dinyatakan dalam permohonan ini, jika Extra Cash-Out (Pengeluaran Tunai Tambahan) diluluskan berdasarkan kelayakan dan kemampuan saya;
 - (k) Untuk Kemudahan Pengeluaran Wang Tunai Tambahan, di mana amaun tambahan diluluskan untuk dimasukkan ke dalam akaun Pelanggan seperti dinyatakan dalam permohonan untuk kemudahan:
 - i. Amaun maksimum yang diberikan dihadkan kepada 100% jumlah baki kad kredit dan pinjaman/ pembiayaan peribadi yang dinyatakan dalam permohonan pelanggan.
 - ii. kadar keuntungan yang ditentukan untuk amaun Pengeluaran Tunai Tambahan yang diberikan adalah kadar serupa yang dikenakan ke atas penggabungan hutang yang diluluskan oleh pihak Bank.
 - (l) Bersetuju untuk menanggung semua yuran, caj dan/atau penalti yang dikenakan berkaitan dengan penyelesaian baki kad kredit dan/atau pinjaman/pembiayaan peribadi yang mungkin dikenakan oleh institusi kewangan berkenaan yang memberi kemudahan kredit tersebut kepada saya;
 - (m) Sekiranya lebih bayaran penyelesaian telah dibuat untuk penggabungan hutang, pelanggan bertanggungjawab sepenuhnya untuk memohon untuk mendapatkan bayaran balik atas lebih bayaran dari institusi kewangan beliau yang berkenaan tanpa melibatkan pihak Bank.
20. **Hak untuk Mendedahkan Maklumat.** Sebagai tambahan kepada pendedahan Sebagai tambahan kepada pendedahan dibenarkan yang disediakan di bawah Jadual 11 IFSA, Pelanggan memberi hak dan membenarkan secara tidak boleh batal kepada pihak Bank, pegawai dan kakitangannya untuk mendedahkan dan menyediakan semua maklumat berkaitan Kemudahan, Perjanjian ini, akaun sedia ada dan akan datang Pelanggan dan sebarang perkara lain yang berkaitan dengan Pelanggan atau perniagaan dan operasinya kepada:
- (a) Institusi kewangan lain yang memberi atau bercadang untuk memberi sebarang kemudahan kredit kepada Pelanggan, Biro Kredit Pusat atau mana-mana biro kredit pusat yang ditubuhkan oleh pihak Bank Negara Malaysia, Cagamas Berhad, Biro Maklumat Cek, Credit Guarantee Corporation, mana-mana pihak berkuasa berkaitan yang mungkin dibenarkan oleh undang-undang untuk mendapatkan maklumat tersebut atau mana-mana pihak berkuasa/agensi yang ditubuhkan oleh pihak Bank Negara Malaysia atau sebarang agensi yang ditubuhkan oleh Persatuan Bank-bank Malaysia;
 - (b) Sebarang perbadanan semasa atau akan datang yang mungkin

bersekutu atau berkait dengan pihak Bank (sebagaimana ditakrifkan di bawah Akta Syarikat 1965), termasuk wakil dan pejabat cawangan serta wakil sah mereka, termasuk anak-anak syarikat kepada syarikat induk pihak Bank;

- (c) Pihak Cagaran atau mana-mana pihak yang bercadang untuk menyediakan cagaran berkaitan dengan Kemudahan;
- (d) Juruaudit pihak Bank, peguamcara dan/atau agen lain berhubung mendapatkan semula wang yang perlu dan akan dibayar; dan
- (e) Penasihat profesional, penyedia perkhidmatan, penama, ejen, kontraktor atau penyedia perkhidmatan pihak ketiga Bank yang terlibat di dalam peruntukan produk dan perkhidmatan kepada atau oleh pihak Bank dan syarikat bersekutu atau berkaitannya. Pelanggan dengan ini memberi kebenaran tidak boleh batal berhubung pendedahan tersebut dan mengesahkan bahawa pihak Bank, pegawai dan kakitangannya tidak boleh dipertanggungjawabkan ke atas penyediaan maklumat tersebut atau untuk akibat daripada sebarang pergantungan yang mungkin diletakkan ke atas maklumat tersebut yang telah disediakan berdasarkan Perjanjian ini.

Pelanggan dengan ini dengan secara tidak boleh batal membenarkan pendedahan tersebut dan mengesahkan bahawa pihak Bank, pegawai Bank, dan pekerja Bank adalah tidak bertanggung untuk mendedahkan maklumat tersebut atau untuk akibat atas sebarang kebergantungan yang mungkin diletakkan atas sebarang maklumat yang telah dididahkan di bawah Kemudahan ini.

Pelanggan dengan ini secara nyata memberikuasa dan membenarkan pihak Bank untuk memperolehi sebarang maklumat yang lain berkaitan dengan Pelanggan dari sebarang agensi rujukan kredit atau sumber-sumber lain dan pada bila-bila masa pihak Bank difikirkan sesuai.

21. **Pengumpulan dan Pergunaan Maklumat.** Pelanggan disini bersetuju dan membenarkan Bank untuk memegang, mengumpul dan menggunakan semua data peribadi yang diberikan kepada bank atau diperolehi oleh Bank dari domain awam, beserta dengan data peribadi yang diperolehi dari peruntukan perkhidmatan kepada Pelanggan berkaitan dengan Kemudahan atau akaun Pelanggan yang lain yang dikekalkan dengan Bank, tertakluk pada Dasar Privasi pihak Bank seperti yang dipinda dari masa ke semasa.

"Dasar Privasi" bermakna dasar dan prinsip Bank yang berkaitan dengan pengumpulan, penggunaan dan penyimpanan maklumat peribadi individu dan entiti sedia ada dan entiti yang bakal berurusan dengan Bank sebagaimana yang dipinda dari semasa ke semasa dan yang boleh didapati di laman web Bank atau dalam apa-apa cara yang difikirkan sesuai dari semasa ke semasa.

22. **Penolakan/Penyatuan Akaun.** Tanpa sebarang prejudis terhadap remedi-remedi yang lain yang dimiliki oleh pihak Bank, pihak Bank berhak pada bila-bila masa dan dari masa ke semasa, tertakluk kepada tujuh (7) hari notis terdahulu kepada pihak Pelanggan, menyatu, mengumpul atau menggabungkan semua atau mana-mana akaun atau akaun-akaun Pelanggan dalam apa jua bentuk (sama ada akaun simpanan, semasa, deposit atau pembiayaan), dimana-mana cawangan Bank, dengan sebarang liabiliti Pelanggan (sama ada liabiliti tersebut adalah semasa, akan datang, sebenar, luar jangka, utama, sampingan, kolateral bercagar atau tanpa cagaran, berasingan atau bersama) dan kebebasan diberikan kepada pihak Bank untuk menahan akaun atau mana-mana akaun pihak Pelanggan selama tempoh notis ini dibawah mana-mana akaun (sama ada akaun simpanan, semasa, deposit atau pembiayaan) perjanjian (termasuk Kemudahan ini) atau kontrak atau sebagainya dengan Bank, dan melunaskan atau memindahkan sebahagian jumlah (sama ada didalam matawang yang sama atau berbeza) tertunggak kepada kredit mana-mana akaun, perjanjian atau kontrak untuk atau kearah menjelaskan mana-mana liabiliti Pelanggan kepada Bank dibawah Kemudahan ini atau di mana-mana akaun atau akaun-akaun dalam apa jua bentuk (sama ada akaun simpanan, semasa, deposit atau pembiayaan), perjanjian atau kontrak atau sebagainya (sama ada liabiliti tersebut adalah semasa, akan datang, sebenar, luar jangka, utama, sampingan, kolateral bercagar atau tanpa cagar, beberapa atau bersama) dan kebebasan diberikan kepada pihak Bank untuk menahan akaun atau mana-mana akaun pihak Pelanggan selama tempoh notis ini.

Tertakluk kepada tujuh (7) hari notis terdahulu kepada pihak Pelanggan, pihak Bank boleh juga menjual sebarang sekuriti atau harta peribadi pihak Pelanggan yang dipegang oleh pihak Bank sebagai deposit atau sebaliknya, secara lelongan awam atau jualan persendirian tanpa perlu melalui sebarang prosiding kehakiman dan menggunakan hasil yang diperolehi daripada penjualan tersebut untuk menjelaskan kesemua jumlah yang belum dijelaskan termasuk caj-caj, kos-kos dan apa-apa bayaran yang berkenaan.

23. **Tiada Penolakan Bersilang (Set Off) Atau Tuntutan Semula Oleh**

Pihak Pelanggan. Pihak Pelanggan tidak berhak untuk memotong atau penolakan bersilang atau menuntut semula sebarang jumlah yang dihitung atau dinyatakan hutang daripada pihak Bank kepada Pelanggan atas sebarang jumlah tertunggak daripada pihak Pelanggan dalam kemudahan yang sama. Pihak Pelanggan di sini bersetuju bahawa tiada di dalam perjanjian di antara pihak Bank dan pihak Pelanggan dan/atau mana-mana pihak akan prejudis atau dilayan sebagai membentuk implikasi perjanjian yang menghalang atau meniadakan caj, cagaran, hak untuk penolakan bersilang atau hak lain yang mana Bank berhak pada bila-bila masa (sama ada dikuatkuasakan undang-undang, kontrak dan sebaliknya).

24. **Akaun Tergantung.** Bagi tujuan untuk membolehkan pihak Bank memelihara dan tanpa menjejaskan liabiliti pihak Pelanggan sebaik sahaja Perintah Penghakiman dan Perintah Penerimaan telah dibuat ke atas pihak Pelanggan dan/atau perintah apabila telah diwartakan untuk menunjukkan pihak Pelanggan telah menjadi pemuffis atas sebab lain yang dianggap sesuai oleh pihak Bank, pihak Bank berhak pada bila-bila masa dan tempat pada waktu-waktu tertentu yang pihak Bank rasakan sesuai, sebarang wang yang diterima, dipulihkan atau diperolehi di sini atau di bawah mana-mana sekuriti atau jaminan terhadap kredit yang berasingan akaun yang tidak menjana hasil atas nama pihak Pelanggan yang pihak Bank rasakan sesuai tanpa kewajiban yang segera bagi pihak Bank untuk mengunapakai yang sama atau mana-mana bahagian di sini atau terhadap perlepasan sejumlah tunggakan dan hutang kepada Bank.

25. **Hak Penguntukan.**

(a) Walau apa pun yang berlawanan dan tanpa prejudis terhadap hak-hak pihak Bank yang tertera di sini, adalah dengan nyatanya dipersetujui di sini bahawa jika berlaku kejadian di mana pihak Pelanggan gagal untuk membayar kesemua wang yang perlu dibayar tepat pada masanya kepada pihak Bank, adalah sah di sisi undang-undang tetapi tidak menjadi kewajiban bagi pihak Bank, dan pihak Bank mempunyai budi bicara penuh terhadap sebarang wang yang diterima daripada pihak Pelanggan ataupun daripada mana-mana individu yang membuat bayaran bagi pihak Pelanggan untuk menggunakan kesemua atau sebahagian wang tersebut (tanpa mengira samada tujuan menjelaskan bayaran dinyatakan ataupun tidak) untuk menjelaskan sebarang jumlah yang tertunggak di sini.

(b) Apabila menerima apa-apa bayaran daripada pihak Pelanggan, pihak Bank mempunyai budi bicara mutlak untuk menggunakan bayaran tersebut bagi sebarang tunggakan, Ansuran Bulanan yang perlu dibayar dan caj-caj tertunggak yang lain yang perlu dibayar berkaitan dengan akaun tersebut.

(c) Jumlah wang yang berlebihan, sekiranya ada, akan dianggap sebagai bayaran pendahuluan bagi akaun tersebut sehingga penjelasan penuh keterhutangan yang berkenaan di sini. Walau apapun dinyatakan di atas, pihak Bank tidak mempunyai kewajiban untuk memperuntukkan sebarang bayaran yang diterima daripada pihak Pelanggan atau menolak pembayaran tersebut dengan sebarang wang yang perlu dibayar di dalam sebarang akaun pihak Pelanggan dengan pihak Bank.

26. **Penepian dan Kelonggaran.** Terma-terma dan syarat-syarat yang terkandung di sini adalah untuk manfaat pihak Bank sahaja dan boleh diketepikan oleh pihak Bank secara keseluruhan atau sebahagiannya dengan atau tanpa syarat berdasarkan budi bicara pihak Bank tanpa memberi prejudis kepada hak-hak pihak Bank yang tersebut di sini, dan sebarang kegagalan oleh pihak Bank untuk menguatkuasakan sebarang peruntukan di sini atau sebarang kelewatan atau kelonggaran yang diberikan oleh pihak Bank kepada pihak Pelanggan tidak boleh ditafsirkan sebagai kelonggaran terhadap hak-hak pihak Bank yang tersebut di sini.

27. **Tanggung Rugi.** Pihak Pelanggan bersetuju untuk menanggung rugi dan memastikan tiada kemudaratan menimpa ke atas pihak Bank daripada kesemua tindakan, tuntutan, permintaan, prosiding, kerugian, kos-kos, caj-caj dan apa jua perbelanjaan-perbelanjaan yang mungkin ditanggung oleh pihak Bank berikutan pemberian Kemudahan ini kepada pihak Pelanggan.

Tanpa mengira mana-mana peruntukan di sini, sekiranya pihak Bank tidak dapat menjalankan sebarang operasi ataupun memberi sebarang perkhidmatan berikutan sebarang sebab di luar kawalan pihak Bank, termasuk tetapi tidak terhad kepada kebakaran, banjir, bencana alam, apa-apa kegagalan atau gangguan kepada telekomunikasi, bekalan elektrik, bekalan air, bekalan minyak atau sebarang faktor dalam bentuk force majeure, pihak Bank tidak akan sama sekali bertanggungjawab atas sebarang kesulitan, kehilangan, kecederaan, kerosakan yang ditanggung atau disebabkan oleh pihak Pelanggan yang berlaku akibat dari perkara-perkara berkenaan.

28. **Keingkaran Silang.** Pihak Bank mempunyai hak untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap pihak Pelanggan ataupun menarik

balik semula Kemudahan ini dan kesemua wang yang perlu dibayar kepada pihak Bank di bawah Perjanjian ini atau menggantung atau menarik balik Kemudahan ini sekiranya terdapat keingkaran dalam pembayaran apa-apa wang yang perlu dibayar oleh pihak Pelanggan di sini atau di bawah mana-mana akaun pihak Pelanggan yang lain yang dibuka dengan pihak Bank atau dengan mana-mana institusi kewangan atau sekiranya terdapat keingkaran dalam pembayaran apa-apa wang yang perlu dibayar di bawah akaun mana-mana pihak ketiga yang lain di mana pihak Pelanggan merupakan seorang penjamin.

29. **Penyata oleh Pihak Bank.** Pihak Pelanggan dengan ini bersetuju bahawa penyata akaun yang ditandatangani oleh pengurus ataupun pegawai/ejen Bank yang bertauliah ataupun notis yang dikeluarkan melalui komputer oleh pihak Bank yang tidak melibatkan keperluan tandatangan adalah bukti yang kukuh dan muktamad berkenaan keterhutangan pihak Pelanggan.

Penyata akaun akan disediakan oleh pihak Bank secara tahunan melainkan sekiranya pihak Pelanggan membuat permohonan secara bertulis untuk mendapatkan penyata akaun pada masa yang tidak ditetapkan.

30. **Bayaran dan Perbelanjaan.**

(a) Anggaran duti setem sebanyak 0.4% daripada amaun pembiayaan, tertakluk kepada proses penaksiran oleh Pejabat Setem sebagai duti setem yang harus dibayar ke atas setiap kemudahan pembiayaan.

(b) Yuran nominal RM2.00 akan dikenakan bagi setiap transaksi melalui IBG.

(c) Pihak Pelanggan akan membayar kepada pihak Bank kesemua kos, caj dan perbelanjaan (termasuk yuran guaman pada kadar yang ditetapkan berdasarkan hubungan antara peguam-pelanggan) yang ditanggung oleh pihak Bank berkaitan dengan persediaan, penguatkuasaan atau pengkalan apa-apa hak pihak Bank berkenaan dengan Kemudahan ini. Untuk tujuan tersebut, pihak Pelanggan dengan ini memberi kebenaran kepada pihak Bank untuk mendebit akaun pihak Pelanggan yang diselenggarakan oleh pihak Bank apabila perlu.

(d) Sebarang tuntutan untuk bayaran wang yang tertunggak dan perlu dibayar, yang masih belum dibayar oleh pihak Pelanggan, atau sebarang pemberitahuan yang lain boleh dibuat melalui notis bertulis dalam masa tujuh (7) hari, di mana notis tersebut akan disifatkan sebagai penyampaian yang memadai kepada pihak Pelanggan sekiranya ia ditinggalkan pada alamat rumah atau perniagaan Pelanggan yang biasa digunakan atau alamat terakhir yang diketahui, atau pada alamat pihak Pelanggan yang tertera di atas ini, atau dihantar melalui surat berdaftar atau surat-menyurat biasa pada alamat-alamat yang dinyatakan di sini, dan bagi cara penyampaian yang terakhir disebutkan di sini melibatkan penghantaran melalui pos, penyampaian itu akan disifatkan sebagai penyampaian yang dilakukan pada waktu yang sama seperti penyampaian melalui surat berdaftar atau surat-menyurat biasa dalam keadaan biasa.

31. **Arahan-arahan menerusi Telefon atau Transmisi Faksimili atau Elektronik atau Digital.** Pihak Bank dengan ini diberi kebenaran oleh pihak Pelanggan, tetapi tidak berkewajipan, untuk bergantung kepada dan bertindak menurut sebarang sijil, kenyataan, notis, tuntutan ataupun sebarang maklumat yang diberikan:

(a) melalui telefon ("Arahan Melalui Telefon")

(b) melalui transmisi faksimili ("Arahan Melalui Faksimili")

(c) melalui transmisi elektronik ataupun digital ("Arahan Melalui Elektronik")

yang boleh dari masa ke semasa menjadi, atau dikatakan akan menjadi, diberikan oleh atau bagi pihak Pelanggan tanpa pemeriksaan ataupun pengesahan oleh pihak Bank tentang kuasa ataupun identiti individu yang menyediakan atau dikatakan telah menyediakan sijil, kenyataan, notis, tuntutan atau apa-apa komunikasi yang berkenaan dan meskipun sebarang ketidaktepatan, kesalahan, kesalahan catatan, perselisihan fahaman, kekurangan penjelasan atau maklumat dalam terma sijil, pernyataan, notis, permintaan atau komunikasi lain dengan syarat:

(a) bagi Arahan Melalui Telefon, individu yang membuat atau dikatakan membuat sijil, kenyataan, notis, tuntutan atau komunikasi yang lain telah menyatakan atau memasukkan data tentang nama atau nombor akaun pihak Pelanggan yang berkenaan dengan pihak Bank dan kod atau nombor pengenalan peribadi yang sah dan terkini (jika ada) untuk akaun tersebut atau sebarang maklumat peribadi mengenai pihak Pelanggan yang terdahulunya telah diberikan oleh pihak Pelanggan kepada pihak Bank;

(b) bagi Arahan Melalui Faksimili, sijil, kenyataan, notis, tuntutan atau komunikasi yang lain yang mengandungi nama atau nombor akaun pihak Pelanggan yang berkenaan dengan pihak Bank dan mempunyai tandatangan yang menurut pendapat pihak Bank bersamaan dengan tandatangan pihak Pelanggan, penandatangan

yang dibenarkan oleh pihak Pelanggan atau wakil yang dibenarkan oleh pihak Pelanggan, bergantung kepada keadaan, di dalam rekod pihak Bank. Semua Arahan Faks hendaklah dihantar ke Bank berdasarkan nombor faksimili seperti yang diberikan melalui notis oleh Bank kepada Pelanggan, dari semasa ke semasa, untuk tujuan Arahan Faks; dan

(c) bagi Arahan Melalui Elektronik, pihak yang membuat atau dikatakan membuat sijil, kenyataan, notis, tuntutan atau komunikasi yang lain telah memenuhi keperluan seperti yang diperlukan oleh pihak Bank.

Pihak Bank bertindak jujur dengan mengambil kira arahan-arahan di atas yang akan melepaskan dari semua liabiliti.

32. **Pengawasan Telefon Dan Rakaman.** Pihak Bank berhak mengawas dan merakam bagi tujuan pihak Bank, sebarang perbualan-perbualan telefon yang dibuat dengan pihak Pelanggan tanpa notis ataupun keizinan lanjut daripada pihak Pelanggan

33. **Ketidaksahan.** Jika pihak Bank memutuskan bahawa dengan berkuatkuasa atau perubahan mana-mana undang-undang, aturan atau penerbitan rasmi (samada mempunyai kuasa undang-undang atau tidak) atau sebarang perubahan dalam tafsiran atau pemakaian perkara-perkara tersebut membuatkan pihak Bank menyalahi undang-undang untuk mengekalkan, memberi dana atau melaksanakan tanggungjawab pihak Bank di bawah Perjanjian ini, pihak Bank akan memberi notis penamatan kepada pihak Pelanggan di mana Kemudahan yang diberikan ini atas sebab-sebab tersebut akan ditamatkan, dan apabila pihak Pelanggan menerima notis daripada pihak Bank, pihak Pelanggan hendaklah membayar kesemua wang yang dipersetujui untuk dibayar oleh pihak Pelanggan di bawah Perjanjian ini termasuk sebarang kos dan bayaran yang perlu dibayar. Penamatan tersebut akan berkuatkuasa dari tarikh yang ditetapkan dalam notis yang diberikan oleh pihak Bank dan keputusan pihak Bank berkenaan dengan tarikh berkuatkuasanya penamatan tersebut adalah muktamad.

34. **Sekuriti Berterusan.** Liabiliti dan tanggungjawab pihak Pelanggan di bawah Kemudahan ini akan terus menjadi sah dan mengikat untuk segala tujuan apa jua sekalipun tanpa mengira sebarang perubahan samada disebabkan oleh kebangkrutan, kematian, kurang siaman, ketidakupayaan atau apa-apa sebab pun melibatkan pihak Pelanggan dan/atau sebarang perubahan secara penyatuan, pembentukan semula atau apa-apa cara pun yang boleh dibuat menurut perlembagaan pihak Bank.

35. **Notis-Notis Dan Proses Pengesahan Undang-Undang.** Sebarang permintaan untuk pembayaran wang yang tertunggak, belum dijelaskan dan baki pembayaran belum dibayar oleh pihak Pelanggan atau sebarang notis-notis lain yang mungkin dilakukan secara bertulis atau sebarang cara komunikasi yang pihak Bank rasakan sesuai dan padan. Notis tersebut atau sebarang proses permulaan, termasuk saman atau Writ Saman dan Pernyataan Tuntutan, akan dianggap diserahkan terhadap pihak Pelanggan sekiranya ia dihantar oleh pos berdaftar ketempat biasa atau tempat terakhir diketahui alamat tempat tinggal perniagaan atau pihak Pelanggan seperti yang dicatat di dalam Borang Permohonan Pelanggan untuk Kemudahan meskipun kemudiannya dipulangkan semula akibat tidak dapat diserahkan atau apabila telah diiklankan. Sekiranya notis tersebut atau sebarang proses permulaan, termasuk saman atau Writ Saman dan Pernyataan Tuntutan, telah dihantar oleh pos berdaftar kepada mana-mana alamat-alamat yang dinyatakan di atas, penyerahan dianggap dibuat selepas dua (2) hari mengepos. Sekiranya notis dibuat dengan cara pengiklanan, pihak Pelanggan akan dianggap telah menerima notis tersebut pada tarikh pengiklanan. Khidmat sebarang proses mahkamah akan berkuatkuasa dengan cara meninggalkan atau menghantar notis ke tempat tinggal atau perniagaan biasa atau tempat terakhir diketahui atau ke alamat Pelanggan sebagaimana dinyatakan di dalam permohonan Pelanggan untuk Kemudahan, atau boleh juga berkuatkuasa dengan cara lain yang dibenarkan oleh undang-undang.

36. **Undang-undang Tadbiran.** Terma-terma dan syarat-syarat yang terkandung disini hendaklah tertakluk kepada dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia. Pihak Pelanggan dengan ini bersetuju untuk patuh kepada bidang kuasa tidak eksklusif mahkamah-mahkamah di Malaysia. Sekiranya berlaku sebarang pertikaian ataupun perbezaan pendapat tentang apa-apa jua yang berkenaan atau melibatkan Syariah, kedua-dua pihak akan merujuk perkara tersebut kepada Jawatankuasa Penasihat Syariah BNM dan keputusan melibatkan perkara tersebut adalah dikira mengikat dan muktamad.

37. **Masa.** Masa di mana ianya tertera di dalam Perjanjian ini adalah disifatkan sebagai asas Perjanjian ini.

38. **Penyerahan.** Pihak Bank berhak untuk menyerahkan dan/atau memindahkan keseluruhan atau mana-mana bahagian hak atau

tanggungjawab pihak Bank di bawah Terma dan Syarat ini pada bila-bila masa tanpa memberikan notis kepada Pelanggan.

39. **Pewarisan/Pengganti.** Perjanjian ini akan mengikat ke atas dan memberi kelebihan kepada manfaat pihak Bank dan Pelanggan dan harta pusaka, waris, wakil peribadi, pewaris hak, pengganti masing-masing dan mana-mana pihak lain yang buat masa ini memperoleh hak di bawah mereka, sebagaimana mungkin, kecuali bahawa Pelanggan tidak boleh menggantikan hak atau tanggungjawabnya selaras dengan Perjanjian ini.
40. **Kebolehasingan.** Sebarang terma, syarat, ketetapan, peruntukan, waad/perjanjian atau tanggungjawab di dalam Perjanjian ini atau mana-mana bahagian yang tidak sah, batal, dilarang atau tidak boleh dikuatkuasakan di dalam mana-mana bidang kuasa akan berkaitan bidang kuasa tersebut tidak berkuatkuasa terhadap ketidaksahan, kebatalan, atau ketidakbolehan penguatkuasaan tersebut tidak akan menyahsahkan atau menyebabkan tidak sah, batal atau tidak boleh dikuatkuasakan mana-mana terma, syarat, ketetapan, peruntukan, waad/perjanjian atau tanggungjawab di dalam bidang kuasa lain.